

**FLEKSIBILITI SIFAT DAN PERANAN DALAM
GAGASAN ILMU TARANNUM**

**[THE FLEXIBILITY OF CHARACTERISTICS AND ROLES IN
THE CONCEPTUALIZATION OF ILMU TARANNUM]**

Muhammad Lukman Ibrahim¹, Mohd Azhar Abdullah²

¹ Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, zihin@yahoo.com

² Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, drhar68@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v2i2.7214>

ABSTRAK

Al-Quran merupakan mukjizat utama Nabi Muhammad SAW, dan pembacaan, pemahaman serta pengamalannya merupakan ibadah yang sangat dituntut dalam Islam. Dalam konteks ini, bacaan al-Quran secara tarannum berfungsi sebagai medium pengindahan suara yang menyokong penghayatan makna dan adab tilawah. Artikel ini meneliti secara kritikal sifat, gaya dan peranan beberapa maqam utama dalam ilmu Tarannum, iaitu Bayyati, Saba, Hijaz, Nahawand, Rast, Sikah dan Jiharkah, dengan memberi tumpuan kepada keanjalan aplikasinya dalam bacaan ayat-ayat al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun setiap maqam memiliki karakter dan kecenderungan fungsi tertentu, penggunaannya tidak terikat secara mutlak kepada tema ayat tersebut. Sebaliknya, kesesuaian tarannum lebih bergantung kepada keupayaan qari dalam mengolah teknik, kawalan suara dan struktur melodi bagi menjiwai maksud ayat yang dibaca. Kajian ini turut memperlihatkan bahawa sebahagian maqam kekal diamalkan secara meluas, manakala yang lain mengalami kepupusan atau berasimilasi ke dalam bentuk irama tradisi lain. Kesimpulannya, ilmu Tarannum bersifat dinamik dan fleksibel, mencerminkan keluasan tradisi tilawah al-Quran yang menuntut keseimbangan antara pemeliharaan kaedah tradisional dan keanjalan pengolahan seni bacaan.

Kata Kunci: Ilmu Tarannum, Ulum al-Quran, Kesenian Islam, Tilawah, Keanjalan Tarannum

ABSTRACT

The Quran represents the foremost miracle of the Prophet Muhammad (peace be upon him), and its recitation, comprehension, and practice constitute acts of worship highly emphasized in Islam. Within this framework, Quranic recitation through tarannum functions as an aesthetic medium that enhances vocal beauty while supporting deeper spiritual engagement and observance of proper recitational etiquette. This article critically examines the characteristics, styles, and functions of several principal maqamat in the science of Tarannum, namely Bayyati, Saba, Hijaz, Nahawand, Rast, Sikah, and Jiharkah, with particular attention to their flexibility of application in Quranic recitation. The findings indicate that although each maqam possesses distinctive features and functional tendencies, its usage is not rigidly confined to specific thematic categories of Quranic verses. Rather, the appropriateness of a given maqam depends largely on the reciter's ability to integrate technical control, vocal modulation, and melodic structure in order to internalize and convey the meaning of the recited verses. The study further observes that while certain maqamat remain widely practiced, others have diminished or undergone assimilation into alternative

musical traditions. In conclusion, the science of Tarannum is inherently dynamic and flexible, reflecting the breadth of the Quranic recitational tradition, which necessitates a balanced engagement between the preservation of established conventions and adaptive artistic expression.

Keywords: *The art of Tarannum, Ulum al-Qur'an, Islamic Arts, Recitation, Flexibility*

PENDAHULUAN

Sebagai mana diyakini oleh seluruh umat Islam, al-Quran merupakan kitab Allah yang maha tinggi dan ketinggiannya merangkumi pelbagai sudut. Keagungan al-Qur'an terletak pada pelbagai aspek, termasuk keindahan bahasanya, kelengkapan makna, konteks sejarah dan peristiwa yang melatarbelakanginya, serta pengetahuan ilmiah dan sains semula jadi yang melampaui kemampuan akal manusia biasa. Selain itu, al-Qur'an menonjolkan hikmah, panduan moral, dan prinsip universal yang kekal relevan sehingga kini. (Zaifuddin Md Rasip et. al., 2025)

Tidak lupa juga aspek keperluan membaca al-Quran dengan baik dan suara yang merdu, selaras dengan kedalaman dan ketinggian ayat-ayat Allah. Sehubungan itu, artikel ini menekankan kepentingan memenuhi hak tilawah al-Quran secara tepat dan penuh penghormatan. Perkara pertama yang akan dijelaskan melalui artikel ini ialah asal usul kemunculan ilmu Tarannum, pengertian gaya dan peranan setiap jenis maqamat yang masih digunakan hingga kini seperti Bayati, Husayni, Nahawand dan lain-lain sebelum masuk ke perbincangan sebenar, iaitu keanjalan dan peranan Tarannum.

LATAR BELAKANG ILMU TARANNUM

Setiap bangsa dan masyarakat cenderung mempunyai kepelbagaian nyanyian yang indah dan merdu. Hal ini disebabkan oleh sifat manusia yang menyukai suara yang bagus. Bahkan suara yang bagus dipercayai akan dapat membangkitkan dan menguatkan jiwa, juga mententeramkan fikiran. Sehubungan demikian, setiap bangsa mempunyai peralatan muzik yang berbeza-beza untuk menghasilkan bunyi yang menyenangkan.

Contohnya masyarakat Melayu sinonim dengan penggunaan alat muzik berasaskan gendang seperti *gendang*, *kompong* dan *rebana*, manakala masyarakat Cina pula terkenal dengan alat muzik bertali seperti *guzheng* dan *pipa*. Begitu juga masyarakat Arab yang terkenal dengan alunan *oud* dan *qanun*, masyarakat India dengan instrumen seperti *sitar* dan *tabla*, sementara masyarakat Barat menonjol melalui tradisi muzik berasaskan alat tiupan dan bertali seperti biola dan piano. Kenyataan ini menjadi bukti bahawa suara yang baik tidak terpisah dari kehidupan manusia.

Sabda Rasulullah SAW:

رَوْحُوا الْقُلُوبَ سَاعَةً فَسَاعَةً

Maksudnya: *Berilah kerehatan (kepada) kepada hatimupada satu ketika, kemudian pada waktu yang lain pula.*

(al-Munawi, 1956, jil. 4: 53; 'Abduh, M., 1980, jil. 10: 368)

Sayyidina 'Ali RA pula didapati pernah berkata: "Rehatkanlah hati kamu, sesungguhnya hati akan jemu dan keletihan sepertimana badan kamu." (al-Munawi, 1956, jil. 4: 53)

Pada dasarnya, masyarakat Arab sejak zaman awal memang memiliki kepekaan tinggi terhadap keindahan bunyi dan irama, sama ada dalam bentuk syair, seruan, mahupun nyanyian berlagu yang dikenali sebagai tarannum (ترنم). Unsur bunyi berirama ini hadir dalam pelbagai aspek kehidupan mereka, seperti permainan kanak-kanak, seruan para saudagar di pasar serta ekspresi emosi dalam situasi tertentu. Bahkan dalam tradisi pra-Islam, terdapat amalan ratapan berlagu oleh wanita ketika berkabung. Ibn al-A'rabi berkata: Orang Arab suka menyanyi dan menari sambil mengembara dengan unta atau bersantai di halaman rumah mereka. Inilah menjadi rutin harian mereka.

Namun demikian, tidak semua bentuk nyanyian dan bunyi berirama ini diterima dalam Islam, sebaliknya sebahagiannya diperbetulkan dan disucikan, khususnya apabila diaplikasikan dalam konteks bacaan al-Quran yang menuntut keindahan suara tanpa melanggar batas syarak. Rasulullah SAW sangat menginginkan agar kecenderungan bangsa Arab kepada bunyi-bunyian ini berubah kepada menjadikan al-Quran sebagai wadah bertarannum. (al-'Asqalani, 1984, jil. 9: 69; Ibn al-Athir, 1963, jil. 3: 391; al-Zamakhshari, 1979, jil. 2: 36; al-Abadi, 1968, jil. 4: 240)

Ibn 'Abbas menyatakan bahawa Nabi Dawud AS dikurniakan oleh Allah SWT suatu mukjizat berupa suara yang sangat merdu, sehingga baginda membaca Kitab Zabur dengan pelbagai bentuk lagu dan intonasi. Ibn 'Abbas RA meriwayatkan:

أَنَّ دَاوُدَ كَانَ يَقْرَأُ الزَّبُورَ بِسَبْعِينَ حُنَّا

Maksudnya: *Bahawa Nabi Dawud a.s. membaca Kitab Zabur dengan tujuh puluh variasi tarannum.*

(al-'Asqalani, 1984, jil. 9: 71)

Riwayat ini menunjukkan bahawa keindahan suara dan kepelbagaian tarannum bukan sekadar kecenderungan fitrah manusia, bahkan merupakan anugerah Ilahi yang diiktiraf dan dimanfaatkan dalam penyampaian wahyu.

Hal ini mengisyaratkan bahawa naluri manusia yang gemarkan bunyi-bunyian yang merdu selari dengan fitrah yang diciptakan Allah, selama mana ia diarahkan kepada tujuan yang benar dan tidak bercanggah dengan prinsip syariat. Lantaran itu, Nabi Dawud AS digambarkan akan membaca Kitab Zabur dengan penuh penghayatan sehingga menitikkan air mata, kemudian mengulangi bacaan tersebut dengan gelombang emosi yang sama hingga turut diiringi oleh makhluk-makhluk lain, termasuk haiwan di daratan dan di lautan. Haiwan-haiwan itu dikatakan akan berdiam diri untuk memberi perhatian dengan penuh kekhusyukan terhadap bacaan Baginda. (al-'Asqalani, 1984, jil. 9: 71)

Pada zaman Rasulullah saw, terdapat sebilangan sahabat yang mendapat pengiktirafan Baginda saw sebagai pemilik suara yang merdu lalu dijadikan qari-qari untuk bertarannum, memperdengarkan bacaan yang indah kepada para sahabat. Antara nama-nama yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim bahawa

mereka pernah mendapat pujian Rasulullah SAW ialah Abu Musa al-Asy 'ari, Ibn Mas'ud, Ubay ibn Ka'b, Mu 'adh ibn Jabal, Salim Mawla Abi Huzayfah dan Usayd ibn Hudayr.

Begitu juga pada era tabi'in, 'Ubaydullah ibn Abi Bakrah al-Thaqafi yang hidup antara tahun 14-79 hijrah dikatakan merupakan individu pertama yang melagukan Al-Quran secara bertarannum sepertimana sekarang. Kemudian ia diikuti oleh 'Ubaydullah ibn 'Umar (antara 70-149 hijrah) hingga kepelbagaian tilawahnya menjadi ikutan dan terkenal dengan nama bacaan al-'Umari. (Ibn al-Athir, 1963, jil. 3: 391; al-Dhahabi, 1993, jil. 6: 304)

ASAL USUL ILMU TARANNUM

Sehingga kini, tiada sejarah khusus berkenaan ilmu Tarannum yang telah didokumentasi dan dapat dimanfaatkan oleh kita. Kekangan ini mungkin disebabkan oleh kecenderungan para ahli dan pengamalnya yang tidak menumpukan kepada penulisan ilmiah dalam bidang ini. Hal ini berpunca daripada sifat Tarannum itu sendiri yang biasanya dipelajari dan diwariskan melalui pendengaran serta latihan lisan, bukan melalui dokumentasi bertulis. Akibatnya, para qari dan guru Tarannum lebih memberi penekanan kepada aspek latihan suara, penguasaan lagu dan aplikasi praktikal berbanding usaha pembukuan dan penulisan sistematik. Keadaan ini menyebabkan banyak kepakaran dan pengalaman tokoh-tokoh Tarannum tidak sempat dirakam secara ilmiah, lalu hilang ditelan zaman, sedangkan ilmu yang didokumentasikan secara bertulis berpotensi untuk terus diwarisi dan dimanfaatkan oleh generasi seterusnya.

Pengamal dan peminat ilmu ini juga tidak ramai. Keadaan ini sebahagiannya berpunca daripada perbezaan bakat dan kebolehan dalam kalangan masyarakat umum, memandangkan ilmu Tarannum menuntut satu aset asas yang bersifat fitri, iaitu suara yang merdu. Keupayaan vokal sedemikian merupakan anugerah Ilahi yang tidak dimiliki secara meluas, sebaliknya hanya dianugerahkan kepada sebahagian kecil individu. Oleh itu, perkembangan ilmu Tarannum lazimnya terbatas dalam lingkungan mereka yang mempunyai bakat serta minat khusus terhadap bidang ini.

Faktor ini turut diperkuat oleh pertikaian dalam kalangan ulama berhubung hukum bertarannum dalam pembacaan al-Quran. Sebahagian ulama berpandangan bahawa tarannum adalah terlarang kerana dikhuatiri membawa kepada unsur mempermainkan atau mempersendakan ayat-ayat al-Quran, manakala sebahagian yang lain menilainya sebagai makruh. Dalam masa yang sama, terdapat juga pandangan yang mengharuskan malah menganggapnya sebagai suatu amalan yang dianjurkan. Kepelbagaian pandangan yang muncul dalam konteks dan hujah yang berbeza ini telah mewujudkan kekeliruan serta percanggahan yang ketara, sekali gus memberi kesan terhadap penerimaan dan penyebaran ilmu Tarannum dalam kalangan masyarakat.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa usaha teoritikal untuk menjelaskan asal usul permulaan ilmu Tarannum. Menurut Dato' Nik Jaafar di dalam bukunya *Qawa'id al-Tarannum* (1998: 114), ilmu Tarannum bermula berdasarkan penghayatan manusia kepada beberapa unsur berikut:

- 1) Bunyian geseran kayu
- 2) Bunyi tiupan angin

- 3) Bunyi kicauan burung
- 4) Bunyi air yang mengalir.

Bunyi-bunyian inilah yang telah menjadi inspirasi ahli-ahli muzik dan penyair untuk mencipta nada dan irama yang bukan sahaja diminati oleh setiap bangsa, malah telah diadaptasi dan berakar sebagai unsur budaya dalam kehidupan masyarakat masing-masing. (Nik Jaafar, 1998: 114)

Syeikh Muhammad Salih al-Fatani (1983, hlm. 58) menyatakan bahawa asal-usul tarannum Arab mempunyai pertalian dengan tradisi muzik Yunani. Perkembangan awal ini dikaitkan dengan tokoh falsafah dan muzik Yunani, Batalaymus al-Faylasuf, yang lebih dikenali dalam tradisi Barat sebagai Ptolemy. Tokoh ini merupakan seorang sarjana berketurunan Yunani yang masyhur dalam pelbagai disiplin ilmu, termasuk matematik, geografi dan astronomi.

Tradisi ini kemudiannya diadaptasi dan dikembangkan dalam dunia Arab oleh tokoh muzik terkemuka, Ishaq bin Ibrahim al-Musili al-Nadim (155–235H), yang berperanan sebagai pemuzik istana dan pengiring khalifah. Selain keunggulannya dalam bidang muzik, beliau juga dikenali sebagai seorang ilmuwan yang menguasai pelbagai cabang ilmu, antaranya bahasa, sejarah, ilmu Islam dan ilmu kalam.

PENGERTIAN, GAYA DAN PERANAN ILMU TARANNUM

Setiap maqam tarannum al-Quran mempunyai pengertian, gaya melodik dan fungsi yang tersendiri, (*Buku panduan: Kursus khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Qur'an*, 1986) yang berperanan membezakan antara satu maqam dengan maqam yang lain serta menentukan kedudukannya dalam persembahan bacaan seorang qari. Perbezaan ini bukan sahaja terletak pada bentuk alunan dan pergerakan suara, bahkan turut melibatkan kesesuaian maqam tersebut dengan struktur ayat, maksud dan suasana makna yang ingin disampaikan dalam bacaan al-Quran.

Walau bagaimanapun, daripada sekian banyak maqam tarannum yang direkodkan dalam literatur klasik, hanya sebahagian kecil sahaja yang masih kekal diamalkan secara meluas dalam bacaan al-Quran pada masa kini. Sebaliknya, terdapat maqam yang semakin jarang digunakan atau hampir tidak lagi diamalkan dalam tilawah al-Quran, seperti Kurdi, 'Ajam, 'Iraqi dan Nawa Athar. Sebahagian daripada maqam ini tidak lenyap sepenuhnya, tetapi terus hidup dalam bentuk irama lain seperti nasyid, qasidah, barzanji dan tradisi seni suara Islam yang seumpamanya, tanpa lagi berfungsi sebagai maqam utama dalam tilawah al-Quran.

Berikut, diterangkan maqam-maqam yang masih kekal dan diamalkan sehingga ke hari ini:

1. Bayyati

Perkataan Bayyati dikatakan berasal dari kalimah Arab yang bererti rumah (بيت). Ia dikaitkan demikian kerana biasanya maqam Bayyati adalah maqam permulaan, penaung dan penutup kepada satu persembahan bacaan (Nordin Idris, 2008). Perkara penting yang perlu diketahui oleh seorang qari ialah mengenal gaya sesuatu maqam serta mengetahui peranannya untuk disesuaikan dengan kehendak pembacaan ayat al-Quran itu sendiri.

Maqam Bayyati dicirikan oleh gerak alunan yang lembut namun tetap tegas, hasil daripada penggunaan tabaqah suara yang rendah disertai kawalan tekanan suara yang stabil bagi mengelakkan bacaan kedengaran lemah atau tidak bertenaga. Ciri ini menjadikan Bayyati sebagai maqam asas yang lazim digunakan sebagai maqam pembukaan dan penutup, khususnya dalam konteks majlis tilawah al-Quran.

Dari segi fungsi, maqam Bayyati berperanan mempelbagaikan corak bunyi dan pergerakan harakat dalam bacaan. Setiap harakat yang dibentuk dalam maqam ini menuntut variasi teknik suara dan susunan melodi yang berbeza, sekali gus memberikan ruang ekspresi yang luas kepada qari. Selain itu, Bayyati berfungsi sebagai kayu ukur bagi maqam-maqam seterusnya; tahap kekuatan suara, kestabilan tabaqah dan kawalan nada yang dicapai dalam Bayyati lazimnya menjadi rujukan asas dalam peralihan dan pengembangan kepada maqam lain dalam sesuatu persembahan bacaan.

2. Husayni

Perkataan Husayni berasal dari perkataan Arab yang bererti kecil dan cantik (مصغر حسن). Ia merupakan cawangan kepada maqam Bayyati dan berasal dari maqam Arab Hijazi yang telah diubah suai dan digubah semula oleh qari-qari Mesir (Hasan Musa, 2008). Husayni adalah maqam tarannum yang mempunyai gerak cepat, gaya yang hangat dan sangat sesuai dengan tabaqah tinggi.

Perlu difahami dalam konteks perbahasan ilmu Tarannum, beberapa istilah seperti cepat, lambat, cergas, hidup, berbunga dan lain-lain yang digunakan seperti di atas adalah istilah yang berkisar dalam kalangan ahli Tarannum dan memberi makna khusus. Ia tidak semestinya memberi makna perkataan asal kerana analogi yang sering diumpamakan “manisnya epal tidak dapat diceritakan sebaik-baiknya melainkan dengan memakannya”.

Sebahagian ahli tarannum menggolongkan maqam Husayni dalam kumpulan Bayyati, cuma terdapat perbezaan dari segi ketinggian suaranya sahaja. Ini bermaksud ketika ia rendah dipanggil Bayyati dan ketika tinggi dipanggil Husayni. Pandangan ini sememangnya berasas kerana setiap qari yang menyudahkan sesuatu bacaan akan menurunkan suaranya dahulu hingga ke tahap Husayni sebelum mengakhirinya dengan Bayyati.

Harakat-harakat tarannum Husayni dapat dikenali dengan beberapa ciri:

- i) Harakat Husayni biasanya bersambung dengan harakat 4 dan 5 maqam Bayyati permulaan.
- ii) Harakat Husayni boleh dibaca dan disusun secara berasingan tanpa disambung dengan mana-mana maqam tertentu.
- iii) Harakat Husayni sering juga disambung dengan harakat Bayyati penamat (Mohammad Yusuf, 1992: 32).

3. Nahawand

Maqam Nahawand berasal dari Hamadan, salah sebuah bandar di Iran hari ini. Maqam Nahawand telah mengalami perubahan dari identitinya yang asal mengikut gubahan qari-qari Mesir. Kini ia tergolong dalam kumpulan Misri (Nordin Idris, 2008). Maqam Nahawand bersifat lembut, ringan dan cepat. Ia amat sesuai dengan tahap suara yang rendah.

Seorang qari membawa maqam Nahawand selalunya dengan salah satu tujuan berikut:

1. Setiap maqam yang tegas dan hangat, harus dilembutkan dengan gaya yang lain dan inilah peranan Nahawand. Sekiranya tidak, bacaan tersebut akan sentiasa keras dan hilang seni.
2. Menyesuaikan dengan ayat yang dibaca, sebagai contoh ayat yang berbentuk cerita dan kisah amat sesuai dengan maqam Nahawand kerana kelembutan sifatnya (Nordin Idris, 2008).

4. Rast

Maqam Rast juga berasal dari wilayah Parsi. Ia terkenal dengan sifat kecantikan disebabkan gayanya yang menawan. Sehubungan itu dalam setiap bacaan, jarang sekali seseorang qari itu meninggalkannya. Ia menjadi antara maqam paling popular dalam kalangan qari di Malaysia (Setina Ismail, 2008).

Maqam Rast mempunyai gerak yang ringan dan cepat. Sifat ini membuat bacaan qari lebih cergas dan bersemangat. Ia mudah disesuaikan dengan mana-mana tabaqah sama ada tinggi atau rendah (Setina Ismail, 2008). Dengan itu, maqam ini sangat penting untuk dibawa kerana ia memberi tenaga kepada bacaan qari yang mungkin kadang-kadang lemah dan tidak bermaya.

5. Hijaz

Maqam Hijaz berasal dari Hijaz, iaitu berdekatan Makkah dan Madinah. Orang-orang Hijaz selalu membawa maqam ini yang mempunyai rentak yang agak kasar dan alunan yang terang. Ia juga dianggap oleh para qari sebagai raja bagi seluruh maqamat (Hasan Musa, 2008).

Gerakan maqam Hijaz agak lambat namun memberi kesan yang mendalam kepada pendengar. Sifatnya yang tegas dan bersemangat pula menyebabkan ia sesuai dengan mana-mana tabaqah suara. Maqam Hijaz sesuai dipilih oleh seorang qari yang sedang memperdengarkan bacaan ayat-ayat hukum dan ayat yang berunsur penegasan serta ancaman.

6. Saba

Maqam Saba berasal dari Mesir dan ia merupakan cawangan kepada maqam Bayyati (Nordin Idris, 2008). Menurut Ibn Manzur (1985: 449), perkataan saba (صبا) dalam bahasa Arab bererti rindu dan kasihan belas. Sifat ini kelihatan agak jelas ketika seseorang qari melagukannya. Ini kerana gayanya mempunyai unsur-unsur sedih yang meruntun jiwa.

Walau bagaimanapun, ciri-ciri kesedihan yang terzahirkan pada alunan Saba bukanlah suatu yang disengajakan, sebaliknya muncul secara semula jadi daripada karakter dan struktur melodi Saba itu sendiri. Nuansa emosional tersebut memberikan kesan mendalam tanpa menjejaskan keaslian dan kesahihan bacaan.

Dalam konteks aplikasi, maqam Saba sesuai digunakan oleh seorang qari bagi meredakan ketegangan dalam bacaan serta melembutkan penyampaian, khususnya selepas penggunaan maqam yang bersifat tegas atau berintensiti tinggi. Penggunaan maqam ini berpotensi membangkitkan rasa keinsafan dan

meningkatkan tahap kekhushyukan dalam kalangan pembaca dan pendengar, selaras dengan tuntutan adab dan hak tilawah al-Quran.

7. Sikah

Maqam Sikah berasal dari Iran tetapi dipelopori oleh para ahli tarannum Misri. Ia kekal menjadi sebahagian dari maqam popular dalam kalangan qari-qari seluruh dunia, khususnya qari dari Malaysia.

Antara sifat-sifat maqam Sikah ialah perlahan, lembut dan cenderung kepada kesedihan. Ia amat sesuai dengan ayat-ayat yang bersifat memohon, merayu dan merintih untuk menyentuh perasaan para pendengar. Maqam Sikah juga berperanan melembutkan bacaan khususnya dalam nada tinggi yang disampaikan oleh qari.

8. Jiharkah

Maqam Jiharkah dikatakan berasal dari tanah Hijaz. Maqam ini popular ddalam kalangan masyarakat Melayu namun kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Pada setiap kali hari raya sama ada Aidil Fitri atau Aidil Adha, maka takbir hari raya akan dikumandangkan dengan maqam Jaharkah. Hal ini disebabkan kesesuaian suasana dengan identiti Jiharkah itu sendiri yang sekiranya diubah dengan maqam lain, maka ia akan mencacatkan nada dan intonasi takbir tersebut (Setina Ismail, 2008).

Jiharkah bersifat ringan, syahdu dan lembut. Ia akan meredakan ketegangan dan melembutkan bacaan serta memberi kekhushyukkan kepada pembaca dan seluruh pendengar (Setina Ismail, 2008).

KEANJALAN SIFAT DAN PERANAN TARANNUM

Demikian huraian ringkas mengenai maqam-maqam tarannum yang selalu diperdengarkan oleh qari Kelantan khususnya atau Malaysia umumnya. Maqam-maqam di atas dipilih berdasarkan tahap popularitinya di Malaysia.

Kepelbagaian maqam dalam ilmu Tarannum menunjukkan bahawa sistem alunan bacaan al-Quran tidak bersifat terhad kepada maqam-maqam utama yang lazim diamalkan sahaja. Selain Bayyati, Hijaz dan lain-lain yang telah diterangkan di atas, masih terdapat maqam seperti Kurdi, 'Ajam, 'Iraqi dan Nawa Athar yang dianggap cabang atau pecahan kepada maqām-maqām tersebut. Namun begitu, perbincangan terperinci terhadap keseluruhan maqamat ini tidak dapat dibuat bagi mengekalkan fokus kajian dan mengelakkan perbincangan yang terlalu lebar.

Keluasan spektrum maqamat inilah yang turut menjelaskan perbezaan pandangan dalam kalangan ahli dan sarjana Tarannum mengenai jumlah sebenar maqamat al-Quran. Sebahagian mereka berpendapat, bilangan maqamat adalah 28 jenis, manakala sumber lain menyatakan bilangannya boleh mencecah sehingga 350 maqamat, yang kesemuanya secara teoritikal boleh diaplikasikan dalam bacaan al-Quran (al-Fatani, 1938: 61).

Setelah diteliti sifat dan peranan setiap maqam dalam ilmu Tarannum, dapat dirumuskan bahawa secara umum setiap maqam sering dikaitkan dengan kesesuaian terhadap tema-tema tertentu dalam ayat al-Quran, seperti ayat nikmat, ayat azab, ayat perintah dan ayat larangan. Pendekatan ini secara khususnya

berasaskan penulisan serta komentar al-Marhum Dato' Nik Jaafar Nik Ismail dalam karya beliau *Qawa'id al-Tarannum*, yang menghuraikan hubungan antara karakter maqām dan kandungan makna ayat yang dibaca.

Walau bagaimanapun, berdasarkan pengamatan dan perbincangan langsung penulis sebagai murid beliau, pandangan al-Marhum pada penghujung usia beliau menunjukkan penilaian yang lebih bersifat menyeluruh dan fleksibel. Menurut pandangan ini, pada dasarnya setiap maqam memiliki potensi sifat dan peranan yang sesuai untuk diaplikasikan pada mana-mana ayat al-Quran, dengan syarat teknik pengolahan, kawalan suara dan pendekatan persembahan disesuaikan secara tepat dengan konteks ayat yang dibaca.

Penegasan terhadap pandangan terakhir ini didapati mempunyai asas yang lebih kukuh berdasarkan beberapa deduksi yang dibuat melalui amalan praktikal dalam tradisi tilawah al-Quran. Pertama, secara realitinya para qari tidak mengkhususkan sesuatu maqam kepada jenis ayat tertentu secara mutlak dalam bacaan mereka. Kedua, dalam konteks musabqah atau majlis tilawah al-Quran, tiada pemotongan markah dikenakan terhadap penggunaan mana-mana maqam bagi mana-mana ayat al-Quran. Ketiga, penetapan maqam wajib dalam Musabqah Tilawah al-Quran Malaysia juga tidak dibuat berdasarkan tema ayat yang akan dibacakan oleh para peserta, sebaliknya lebih menekankan aspek teknik, kawalan suara dan kesempurnaan persembahan bacaan.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dan dapatan yang telah dihuraikan, dapat dirumuskan dalam artikel ini bahawa ilmu Tarannum memiliki keanjalan sifat dan peranan yang signifikan dalam aplikasinya terhadap bacaan ayat-ayat al-Quran. Keanjalan ini tidak terikat secara mutlak kepada pengkhususan tema ayat dengan maqam tertentu, sebaliknya bergantung kepada keupayaan qari dalam mengolah teknik, kawalan suara dan struktur melodi bagi menjiwai makna ayat yang dibaca.

Dengan kata lain, selagi mana pelaksanaan tarannum menepati adab tilawah serta mampu menyampaikan bunyi dan nada yang tepat tanpa menjejaskan kehormatan teks wahyu, kepelbagaian penggunaan maqam dan variasi nadanya bukan sahaja dibenarkan, malah mencerminkan keluasan dan dinamisme tradisi tilawah al-Quran.

RUJUKAN

- Abadi, M. S. al-Haqq al-'Azim. (1968). *'Awn al-Ma'bud sharh Sunan Abi Dawud*. Al-Madinah: Maktabah al-Salafi.
- 'Abduh, M. (1980). *Al-Fatawa al-Islamiyyah min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*. Qahirah: Wizarah al-Awqaf, Jumhuriyyah al-Misr al-'Arabiyyah.
- Al-'Asqalani, A. ibn 'A. ibn H. (1984). *Fath al-Bari sharh Sahih al-Bukhari* (asal 1414H). Beirut: Dar al-Fikr.
- Buku panduan: Kursus khas kemahiran membaca dan menghafaz al-Qur'an*. (1986). Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Al-Dhahabi, M. ibn A. ibn 'U. (1993). *Siyar a'lam al-nubala'*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Fattani, M. S. ibn Z. A. (1938). *Siraj al-qari: Pada bicara hukum tajwid kalam Allah al-Bari*. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif.

- Hasan Musa. (2008, January 10). Temu bual peribadi di Taman Sri Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Johan Tilawah al-Qur'an Antarabangsa 1964.
- Mohammad Yusuf. (1992). *Pengajian al-Qur'an bertarannum di Kelantan: Sejarah dan perkembangannya* (Kertas Projek, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Ibn al-Athir, M. al-D. al-Mubarak ibn M. (1963). *Al-nihayah fi gharib al-hadith wa al-athar*. Al-Qahirah: Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Ibn Manzur, M. ibn M. al-Afriqi al-Misri. (1985). *Lisan al-'Arab* (asal 1405H). Beirut: Dar Sadir.
- Munawi, 'A. al-R. ibn T. al-'Arifin. (1956). *Fayd al-qadir sharh al-jami' al-saghir* (asal 1356H). Misr: Al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Nik Jaafar Nik Ismail. (1998). *Qawa'id al-tarannum*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Nordin Idris. (2008, March 14). Temu bual peribadi. Johan Tilawah al-Qur'an Antarabangsa 1987.
- Rasip, Z.M., Ramlee, Y. & Ramli, I. (2025). Ciri-Ciri Murni Agama Islam Yang Suci: Asas Pembangunan Madani Membentuk Masyarakat Harmoni. Kota Kinabalu: Fakulti Pengajian Islam UMS.
- Sa'id Labib, A. (1970). *Al-Taghanniy bi al-Qur'an*. Al-Qahirah: Al-Hay'ah al-'Ammah li al-Tawzi' wa al-Nashr.
- Setina binti Ismail. (2008, May 17). Temu bual peribadi di Kampung Binjai, Pasir Mas, Kelantan. Johan Tilawah al-Qur'an Antarabangsa 1967.
- Zamakhshari, M. ibn 'U. (1979). *Al-Fa'iq fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Qahirah: Dar al-Fikr.